

07/01/2003

Ah Lek tetap cabar Ling jawatan Presiden

KUANTAN: Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Lim Ah Lek tetap dengan keputusan mencabar Datuk Seri Ling Liong Sik bagi jawatan Presiden parti pada pemilihan parti itu pada 2005 jika tiada calon lain berbuat demikian.

Lim berkata, beliau tidak mencabar Ling pada pemilihan MCA tahun lalu bagi menghormati pelan damai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika dia (Ling) masih menerajui parti pada 2005 dan saya masih ada dalam parti serta tiada pencabar lain bagi merebut jawatan itu, saya akan mencabarnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas jamuan makan malam ulang tahun ke-45, MCA cawangan Air Putih, di sini semalam. Turut hadir, Presiden MCA Pahang, Datuk Chan Kong Choy.

Lim juga mengulangi hasratnya kembali aktif dalam politik bukan untuk kepentingan diri, sebaliknya membantu memperkuatkan parti serta Barisan Nasional (BN).

"Sebelum ini, saya sudah membuat keputusan bersara daripada politik, tetapi diminta menimbangkan semula keputusan itu dan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

"Mengenai sokongan rakyat terhadap saya, ia bukan saja di Kuantan, malah membabitkan kawasan lain. Oleh itu, saya sudah berfikir secara serius mengenainya dan membuat keputusan kembali demi kepentingan parti dan BN.

"Saya masih ingat, pada sangat akhir sebelum pilihan raya umum 1999, apabila Ling berjumpa Dr Mahathir untuk menyampaikan senarai calon MCA, dia (Ling) memanggil saya dan meminta saya terus berkhidmat untuk rakyat serta bertanding pada pilihan raya umum itu.

"Saya berterima kasih kepadanya dan memberitahunya saya sudah mengumumkan hasrat untuk berundur diri dan tidak perlu menimbang semula keputusan itu.

"Bagaimanapun, kini keadaan sudah berubah berbanding 1999 berikutan sokongan masyarakat Cina amat penting. Jika saya kembali aktif politik, saya akan dapat meningkatkan jumlah undi...bukan untuk saya tetapi MCA," katanya.

Beliau berkata, jika tidak ada peningkatan terhadap sokongan, tidak perlu baginya kembali bertanding pada pilihan raya umum itu.

"Berdasarkan maklum balas, ia menunjukkan sokongan masyarakat terhadap MCA dan BN akan meningkat, jika saya kembali. Pada satu majlis baru-baru ini, kira-kira 26,000 orang memberi sokongan dan minta supaya saya kembali.

"Bagaimanapun, kawasan untuk saya bertanding sama ada di Bentong atau Kuantan tidak penting kerana saya boleh bertanding di mana-mana kerana masyarakat menerima saya," katanya.

Beliau juga berterima kasih kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang memberi ruang kepadanya bertanding sama ada di Bentong, Kuantan dan Raub.

"Jika Adnan yang juga Pengerusi BN negeri mahu saya kembali dan bertanding saya tidak boleh melarikan diri.

"Bukan saya membuat keputusan sama ada bertanding atau tidak, tetapi jika saya diminta oleh Adnan, saya akan kembali. Bagaimanapun keputusan muktamad bergantung kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN," katanya.

Lim juga memberi jaminan sedia berkhidmat membantu MCA, BN, masyarakat

dan negara jika tenaganya diperlukan.